



Rasuah diberi ikut kesukaan penjawat awam seperti set golf, taja cuti, wanita

Sogokan ikut hobi

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Rasuah boleh berlaku dalam pelbagai bentuk termasuk tawaran berdasarkan hobi seperti bermain golf, berkaraoke, bercuti atau menghadiahkan tanah-tanah lot kepada penjawat awam yang memenuhi kepentingan pemberi.

Pemberi selalu menyelidik kegemaran penjawat awam yang diperlukan untuk menjadi mudah cara kepada kepentingan mereka.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, perlakuan rasuah mudah berlaku membabitkan kakitangan kerajaan yang ditu-

gaskan di bahagian perolehan atau jabatan-jabatan sensitif kerajaan terutamanya agensi penguatkuasaan yang bertugas menjaga pintu masuk negara.

Bagaimanapun, sebelum menawarkan rasuah, pemberi akan mengkaji setiap sistem yang ada selain turut meme-

riksa latar belakang atau sikap penjawat awam yang bertugas untuk memastikan mereka boleh 'diuruskan'.

"Pemberian rasuah bukan sahaja melibatkan wang tetapi pelbagai cara digunakan pemberi rasuah sebelum agenda seterusnya diteruskan.

Bersambung di muka 3

Sogokan ikut hobi

Dari muka 1

"Mereka (perasuah) ini selidik apa disukai penjawat awam itu, termasuk hobi. Jika suka berhibur atau wanita, penjawat awam disogok aktiviti hiburan seperti karaoke. Jika suka main golf, mereka diajak melakukan aktiviti itu dan beli sekali set golf," kata sumber.

Kata sumber, terdapat juga kes-kes disiasat SPRM mendapati penjawat awam 'dihadiahkan' rumah, kereta mewah atau tanah dengan aset berkenaan diletakkan di atas nama proksi seperti keluarga, saudara mara terdekat.

"Selain itu, antara taktik biasa digunakan yang dikesan SPRM adalah dengan menaja percutian sama ada menghadihkan tiket penerbangan atau pengi-

napan di hotel-hotel mewah.

"Apabila penjawat awam ini sudah rasa terikat atau terhutang budi, mula mereka ini akan 'menolong' bagi memudahkan urusan tertentu dan seterusnya perlakuan rasuah berlakulah," kata sumber.

Bagaimanapun, sumber itu memberitahu, kes-kes rasuah yang biasa dan banyak berlaku kebelakangan ini berkaitan memasukkan pekerja asing dalam sektor kotor, berbahaya dan sukar (3D) yang sedang menjadi keperluan mendesak majikan.

Warga tempatan tidak berminat bekerja dalam sektor 3D seperti perladangan, pertanian, pembuatan dan pembangunan menyebabkan majikan sangat bergantung kepada buruh warga asing.

Bagaimanapun, sumber ber-

kata, dengan pelbagai proses dan ditambah birokrasi untuk membawa masuk pekerja asing, majikan yang terdesak akan mencari jalan pintas untuk melancarkan urusan pengambilan tenaga kerja.

Mengikut kajian terbaharu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kes-kes rasuah yang banyak direkodkan membabitkan penjawat awam dalam kalangan mereka yang menguruskan kemasukan pekerja asing dalam sektor 3D.

"Kajian mendapati kakitangan tersebut mudah 'dibeli' oleh individu, sindiket atau mana-mana golongan yang sangat memerlukan pekerja asing," kata sumber itu.

Sebagai rekod, sejak 2016 hingga Februari lalu, data SPRM menunjukkan kira-kira 3,118

penjawat awam ditahan dalam tempoh tujuh tahun tersebut bagi siasatan berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Daripada jumlah itu, penjawat awam bertugas di bahagian sokongan dikesan paling ramai ditahan sekali gus dilihat lebih mudah terlibat dan terdedah dalam kes-kes rasuah.

Data dijejak menerusi laman rasmi SPRM mendapati, sebanyak 2,209 individu adalah penjawat awam di bahagian sokongan diikuti mereka yang bertugas di bahagian pengurusan dan profesional iaitu 842 tangkapan.

Bagi pengurusan tertinggi awam, terdapat 68 tangkapan direkodkan. Data-data tersebut boleh dilihat orang awam selepas dimuat naik SPRM sebagai rujukan awam.